

# Khilaf Qiraat melengkap makna, maksud Quran

## Bicara Qiraat

Oleh KHAIRUL ANUAR MOHAMAD

**K**HILAF Qiraat dalam riwayat bacaan al-Quran seperti Qalun, Hafs, Warsy dan riwayat lain adalah bersifat melengkap makna dan maksud al-Quran. Khilaf bacaan al-Quran menurut riwayat tersebut tidak sama dengan khilaf kitab samawi yang lain seperti injil yang wujud ketika ini.

Di mana kandungan setiap satunya bertentangan maksud dan makna dengan kandungan injil yang lain disebabkan penyelewengan yang berlaku terhadapnya.

Ulama telah menetapkan beberapa syarat yang perlu ada sebelum menafsir al-Quran. Dan di antara syarat tersebut adalah menguasai ilmu Qiraat.

Jika dilihat kepada tokoh tafsir, ramai di kalangan mereka yang menguasai ilmu Qiraat dan setiap ayat yang mempunyai khilaf Qiraat akan dihurai maksudnya bagi melengkap makna ayat tersebut.

## Lapan tahun

Tokoh tafsir yang dikenali sebagai Abu al-Mufasirin iaitu Imam Ibn Jarir al-Tabari (meninggal pada tahun 310 hijrah) juga adalah tokoh Qiraat pada zamannya.

Kitab tafsirnya yang ditulis selama lapan tahun bermula 283 hijrah hingga 290 hijrah dikategorikan sebagai kitab tafsir Bi Ma'thur.

Ketika menafsirkan ayat-ayat al-Quran yang mempunyai khilaf Qiraat, beliau akan menyebut Qiraat yang terdapat. Namun beliau tidak menyatakan status Qiraat yang disebut sama ada Qiraat Sahihah atau syazzah.

Kitab *Tafsir al-Jalalain* yang terkenal di kalangan pengkaji ilmu



AL-QURAN Bukan sahaja untuk dibaca tetapi perlu difahami dan dihayati isi kandungannya. - Gambar hiasan

Tafsir juga menyebut khilaf Qiraat. Antara lain, pengarang *Tafsir al-Jalalain* telah menyebut khilaf yang terdapat dalam surah al-Fatihah pada ayat 4 di kalimah maliki.

Kalimah maliki mempunyai dua bacaan di kalangan *Qurra'*. Imam 'Asim dan al-Kisaie membacanya dengan *ithbat alif* selepas huruf *mim*. Maksud bacaan tersebut adalah Yang Menguasai pemerintahan hari pembalasan (hari akhirat).

Lima *Qurra'* yang lain iaitu Nafei', Ibn Kathir, Abu Amru, Ibn 'Amir dan Imam Hamzah membaca kalimah maliki dengan *hazf alif* sama dengan kalimah maliki ayat kedua surah al-Nas. Maksud maliki yang dibaca dengan *hazf alif* adalah raja.

Jika dua makna tersebut

dikumpulkan ia memberi satu maksud yang amat sempurna tentang kekuasaan Allah SWT pada hari akhirat iaitu Allah SWT adalah raja yang menguasai pemerintahan hari pembalasan.

Abu Hayyan al-Andalusi (meninggal dunia pada tahun 745 hijrah) iaitu pengarang kitab tafsir *al-Bahr al-Muhit* telah menghurai dalam kitab tafsirnya khilaf Qiraat dan menyatakan dengan teliti Qiraat yang mutawatirah dan Qiraat syazzah.

Setiap kalimah yang mempunyai khilaf Qiraat sama ada penambahan tasydid atau penambahan alif memberi maksud yang berlainan.

Justeru jika dihimpun makna kalimah bagi dua Qiraat yang berbeza akan menyempurnakan lagi maksud

al-Quran.

Walaupun begitu terdapat juga khilaf Qiraat pada kalimah yang sama dan memberi maksud yang sama. Ia seperti khilaf bacaan antara *taqlil*, *imalah* dan *fathah*.

Contohnya pada kalimah terakhir di setiap ayat dalam surah al-Duha. Khilaf tersebut dikategorikan sebagai khilaf *lahjah* atau *lughah* dan tidak memberi kesan kepada makna.

● **KHAIRUL ANUAR MOHAMAD** ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau juga adalah Ahli Lajnah Tashih al-Quran Kementerian Dalam Negeri.